

Kanyon Imbak Melestarikan Khazanah Hutan Purba di Malaysia

Tahukah anda? Terdapat kawasan hutan terakhir di negara kita yang belum pernah diterokai. Kawasan tersebut dinamakan Kanyon Imbak yang terletak di bahagian tengah Sabah dan dalam daerah Tongod. Kawasan tersebut merupakan hutan hujan tropika yang diwartakan sebagai hutan dara kelas satu pada tahun 2009. Hal ini bermakna, hutan tersebut ialah kawasan hutan yang dilindungi daripada aktiviti penerokaan manusia bagi tujuan pembalakan dan pembangunan.



Kanyon merupakan sebuah lembah sepanjang 25 km yang berbentuk melengkung.

Di sebalik Nama Kanyon Imbak

Kanyon atau disebut juga sebagai *ngarai* merupakan sebuah lembah sepanjang 25 kilometer (km) yang melengkung dan telah terbentuk sejak jutaan tahun dahulu. Kawasan lembah tersebut lebar dan rata, serta dikelilingi oleh permatang yang tinggi dan amat curam di bahagian tepi. Oleh itu, kawasan tersebut boleh dikatakan sebagai satu daripada khazanah alam purba yang unik di Malaysia.

Berhampiran dengan kawasan hutan tersebut, terdapat sebuah Kampung Imbak yang didiami oleh suku kaum Sungai. Kampung ini menjadi laluan utama untuk masuk ke Kawasan Konservasi Kanyon Imbak (ICCA). Kebanyakan penduduk kampung di sekitar ICCA ini bergantung pada hasil hutan di kawasan tersebut dan turut terlibat dalam aktiviti pertanian dan menjual hasil tanaman.

Keunikan Flora dan Fauna

Perkara yang paling menarik mengenai Kanyon Imbak ialah flora dan faunanya. Antara spesies flora dan fauna yang terdapat di hutan ini termasuklah endemik Borneo yang merangkumi Sabah, Sarawak dan negara jiran, iaitu Indonesia. Spesies endemik ialah spesies yang hanya ditemukan di sesuatu kawasan dan tidak terdapat di kawasan lain. Sebagai contoh, spesies haiwan liar yang endemik di hutan ini ialah Gajah Pigmi Borneo, Harimau Dahan, Orang Utan Borneo dan Kelawat. Selain itu, terdapat lebih 300 spesies tumbuh-tumbuhan seperti orkid yang jarang-jarang ditemukan dan sejenis pokok keruing yang hanya terdapat di Kanyon Imbak.

Kanyon Imbak sememangnya mempunyai keindahan dan keunikan hutan yang masih terpelihara hingga kini, antara keunikan tersebut termasuklah Air Terjun Imbak. Air terjun ini telah terbentuk sejak

berjuta-juta tahun dahulu dan terdiri daripada lapisan enapan batu yang menghasilkan lembah berbentuk 'V'. Kawasan ini boleh dimasuki dengan kenderaan untuk pengunjung menikmati kesejukan dan suasana yang nyaman. Walau bagaimanapun, semua aktiviti di kawasan konservasi tersebut perlu diselia oleh renjer hutan bagi memastikan keselamatan pengunjung. Selain Air Terjun Imbak, terdapat juga air terjun lain yang ditemukan di sekitar kawasan ICCA, iaitu Air Terjun Maya. Air terjun ini dinamakan bersempena dengan kehadiran pelakon Maya Karin yang menyertai ekspedisi di ICCA pada tahun 2013.

Di Kanyon Imbak juga mempunyai spesies haiwan yang jarang-jarang ditemukan di tempat lain, antaranya termasuklah Harimau Dahan. Haiwan ini merupakan spesies kucing liar yang terbesar di Borneo, namun pandai mengelak dan sukar ditemukan. Ciri fizikal Harimau Dahan ialah berkaki pendek, tapak kaki yang besar dan kuku yang tajam.



Ciri tersebut menjadikan kucing liar ini pemanjat pokok yang hebat. Harimau Dahan suka berada di dahan pokok dan aktif pada waktu malam.

Selain itu, terdapat juga kelawat atau dikenali sebagai *grey gibbon*, iaitu spesies endemik di Borneo. Kelawat ialah sejenis binatang diurnal yang aktif pada waktu siang, hidup di atas pokok dan bergerak dengan menghayunkan badannya dari dahan ke dahan dengan lompatan yang pantas. Haiwan ini tidak suka berenang dan sering mengelak daripada air.


Satu lagi haiwan yang boleh ditemukan di Kanyon Imbak ialah Gajah Pigmi Borneo yang merupakan spesies gajah terkecil di dunia. Ciri fizikalnya seperti mempunyai cuping telinga yang kecil dan lurus ke bawah, ekor panjang yang hampir menyentuh tanah, muka

yang bulat dan kelihatan muda serta menjadikannya sangat comel. Gajah Pigmi hidup di hutan tanah rendah dan lembah. Untuk hidup dan membiak, haiwan ini memerlukan kawasan habitat semula jadi yang luas. Selain flora dan fauna yang dinyatakan ini, terdapat pelbagai lagi hidupan lain yang unik dan menarik di Kanyon Imbak.

Oleh itu, sebagai masyarakat yang prihatin, kita perlu menjaga kelestarian alam bagi memastikan segala hidupan flora dan fauna di dalam hutan sentiasa terpelihara.



Antara flora dan fauna yang terdapat di Kanyon Imbak.



Kepentingan Hutan Hujan Tropika

1. Menjadi kawasan pembiakan dan sumber makanan utama kepada fauna seperti daun, buah-buahan, putik bunga dan pelbagai bahagian pokok.

2. Menjadi kawasan tadahan air hujan yang menyerap air hujan dan mengalirkannya ke kawasan anak sungai.

3. Menjadi sumber ubat-ubatan tradisional seperti daun lemuning, mengkudu, tongkat ali, kacip fatimah dan daun kaduk yang hanya boleh didapati di kawasan yang lembap dan tumbuh meliar.

4. Menjadi tempat rekreasi untuk menghirup udara segar dan nyaman serta menikmati keindahan alam semula jadi.



5. Mengimbangi kandungan gas di udara melalui proses fotosintesis yang membebaskan oksigen dan menyerap gas karbon dioksida yang dibebaskan oleh manusia dan haiwan.

6. Menjadi penuras yang menapis air hujan bagi memastikan air bersih dan jernih mengalir ke kawasan tadahan.

7. Menjana sumber ekonomi melalui industri pembalakan terkawal yang mendapat kelulusan pihak kerajaan dan hasil hutan seperti buluh, rotan dan mengkuang.

Antara aktiviti yang boleh dilakukan di Pusat Pembelajaran Kanyon Imbak (ICSC)

Usaha Pemuliharaan

Dalam usaha untuk memelihara dan memulihara kelestarian bumi, pihak Yayasan Sabah telah menjalin kerjasama dengan PETRONAS untuk menyokong usaha pemuliharaan tersebut. Sebanyak RM83 juta diperuntukkan untuk projek pemuliharaan ini, antaranya termasuklah pembinaan sebuah kemudahan bertaraf dunia yang diberi nama Pusat Pembelajaran Kanyon Imbak (ICSC).


ICSC bukan sahaja memberikan peluang dan kemudahan kepada para penyelidik dan saintis untuk mengkaji flora dan fauna, tetapi turut menyediakan kemudahan pembelajaran untuk semua peringkat umur, antaranya termasuklah penuntut universiti, pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah.

Menurut Pengurus Kumpulan Bahagian Konservasi dan Pengurusan Alam Sekitar, Yayasan Sabah, Dr. Waidi Sinun, kemudahan yang disediakan sangat sesuai dan penting bagi tujuan penyelidikan terutamanya kepada penuntut universiti pada pelbagai peringkat.

Selain itu, ICSC turut menyediakan kemudahan penginapan yang selesa, malah boleh dikatakan sesuai sekiranya penyelidik ICSC ingin membawa ahli keluarga menginap di situ.

Pihak Yayasan Sabah juga pernah menerima kunjungan daripada murid sekolah rendah yang berminat untuk mendalami keunikan hutan di negara kita. Antara aktiviti yang diadakan termasuklah merentas hutan, safari malam dan jejak malam.





Kemudahan yang disediakan di Kanyon Imbak.



Aktiviti yang diadakan bersempena dengan sambutan ulang tahun ke-50 PETRONAS di Kanyon Imbak.



Kemudahan di ICSC

Pembinaan ICSC juga sejajar dengan usaha yang dipikul oleh Yayasan Sabah untuk mencapai 30 peratus kawasan tanah di negeri ini yang diwartakan sebagai kawasan yang dilindungi sepenuhnya (TPA) menjelang tahun 2025. Penyediaan ICSC yang lengkap, sesuai untuk penyelidikan, pendidikan, latihan dan rekreasi. Di bangunan utama ICSC, terdapat pejabat pengurusan, galeri, perpustakaan, dewan teater mini dan kedai cenderamata. Antara kemudahan lain yang terdapat di ICSC termasuklah makmal saintifik yang lengkap, Kompleks Pendidikan Alam Sekitar yang mempunyai makmal dan bilik darjah yang sesuai untuk pelajar sekolah.

Aktiviti di Kanyon Imbak

Bersempena dengan sambutan ulang tahun ke-50 PETRONAS yang disambut pada 17 Ogos 2024, sebanyak 60 orang peserta telah mengikuti kunjungan ke Kanyon Imbak untuk menyaksikan sendiri keunikan hutan hujan tropika tersebut. Sambutan ini juga turut mengukuhkan hubungan kerjasama yang telah lama terjalin antara Yayasan Sabah dengan PETRONAS.

Dalam kunjungan tersebut, peserta dibawa mengikuti aktiviti merentas hutan sejauh 1.8 km merentasi laluan denai yang disediakan menuju ke Air Terjun Imbak serta melalui kawasan pokok belian terbesar di ICCA yang dinamakan "Big Belian Tree". Seusai mengikut aktiviti tersebut, peserta berpeluang menikmati keindahan air terjun sepanjang 30 meter. Pada waktu malam pula, peserta berpeluang mengikuti aktiviti jejak malam dan pandu malam yang bertujuan untuk melihat unggas hutan.

Sumbangan Pemuliharaan

Selepas pembinaan ICSC, Yayasan PETRONAS selaku cabang impak sosial PETRONAS telah meneruskan usaha sama untuk melakukan pemuliharaan dan pembangunan di Kawasan Konservasi Kanyon Imbak. Yayasan PETRONAS telah menjalin kerjasama dengan pelbagai organisasi antaranya termasuklah Yayasan Sabah dan masyarakat tempatan untuk memastikan usaha ini selaras dengan fokus Yayasan PETRONAS, iaitu "Menyemai Masa Hadapan".

Selain itu, Yayasan PETRONAS turut melaksanakan beberapa inisiatif untuk membantu meningkatkan sosioekonomi komuniti sekitar, antaranya termasuklah mengadakan bengkel fotografi bersama-sama dengan komuniti tempatan. Bengkel ini bertujuan untuk membantu memperkasakan komuniti setempat dengan kemahiran teknikal supaya dapat mempromosikan keunikan Kanyon Imbak melalui platform media sosial. Yayasan PETRONAS turut memberikan sumbangan peralatan pemantauan hidupan liar seperti perangkap kamera dan dron untuk membantu kerja penyelidikan seperti pengumpulan data, penilaian habitat, operasi antipemburuan haram, serta operasi pencarian dan penyelamatan di Kanyon Imbak.

Masih terdapat banyak lagi usaha yang boleh dilakukan oleh pelbagai pihak untuk menyokong usaha memelihara dan memulihara warisan semula jadi ini. Usaha tersebut penting dalam memastikan kelestarian Kanyon Imbak sebagai khazanah hutan purba di Malaysia dan dapat diwariskan kepada generasi akan datang. ▶